# BID'AH ḌALĀLAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU

FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR

MASTER OF SCIENCE
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
MALAYSIA

2009

PDF processed with CutePDF evaluation edition www.CutePDF.com

/ 7684

1100077372

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

tesis
BP 165.7 .F5 2009

1100077372
Bid'ah dalalah dalam kalangan masyarakat melayu di Terengganu
/ Firdaus Khairi Abdul Kadir.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100077372

Lihat sebelah

# *BID ᶜAH ḌALĀLAH* DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU

FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR

Tesis ini telah diserahkan sebagai memenuhi keperluaan untuk
Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

November 2009

**Dedikasi**

Saya dedikasi tesis ini buat kedua ibubapa tercinta, Tuan Guru Hj Abdul Kadir bin Zainol dan Hajjah Essah @ Halimah Saadiah binti Abdullah yang sering mendoakan kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Saya dedikasikan juga tesis ini buat isteri tercinta Ustazah Noraznida binti Ab. Rahman beserta dengan anakanda-anakanda tersayang, Firasatul Elham, Firasatul Najwa, Muhammad Nabeel Anwar dan Firasatul Nuha yang sering sahaja memberikan dorongan dan sokongan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat**
**Universiti Malaysia Terengganu**
**Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

***BID$^{c}$AH ḌALĀLAH*** **DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU**

**FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR**

**NOVEMBER 2009**

**Pengerusi : Profesor Madya Mohd Shaladdin bin Muda, Ph.D.**

**Ahli : Profesor Madya Fadzli bin Hj. Adam, Ph.D.**
**Ahmad Bazli bin Shafie, Ph.D.**

**Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi**

Perbahasan mengenai *bid$^{c}$ah* telah berlangsung sekian lama. Kesungguhan perbahasan berdasarkan sabda Rasulullah (SAW) yang bermaksud: "Semua *bid$^{c}$ah* adalah sesat". Sabda umum seperti ini telah membuka ruang bagi golongan ulamak semenjak dahulu lagi untuk menghuraikan intipati sebenar sabda tersebut. Sesetengah masyarakat memandang mudah, manakala sebahagian lagi amat menitik berat tentang persoalan ini. Kajian ini dilakukan bagi meninjau tentang perbahasan ulamak berkaitan *bid$^{c}$ah* yang membawa kesesatan tanpa sebarang kekhilafan. Di samping itu, persepsi masyarakat terhadap persoalan *bid$^{c}$ah* juga turut diutarakan.

Dalam memahami sabda Rasulullah SAW tersebut, terdapat beberapa orang ulamak yang cuba menjelaskannya, antaranya ialah Imām Shāfi'i, Al-Izzu bin Abdul Salam dan Syeikh Muhammad al-Ghazāli. Dalam membahaskan tentang hukum *bid$^{c}$ah*, terdapat ulamak yang menyatakan ianya bergantung kepada kesesuaian keadaan iaitu harus, makruh, sunat, wajib dan haram. Dalam pada itu, terdapat ulamak yang membahagikan *bid$^{c}$ah* kepada 3 pembahagian iaitu; *bid$^{c}$ah* dalam akidah, ibadat dan adat.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ulamak yang menyatakan kesemua *bid$^{c}$ah* adalah sesat sama ada dari sudut akidah, ibadat atau adat. Pandangan ini mempertikaikan kewujudan *bid$^{c}$ah ḥasanah* dan memandang istilah tersebut diperkenalkan bagi menjustifikasikan amalan yang ditekuni sebelum ini. Namun begitu perkara tersebut masih dalam ruang lingkup perselisihan pendapat di kalangan ulamak yang tentunya membawa kerahmatan. Dalam masa yang sama terdapat *bid$^{c}$ah* yang telah dimuktamadkan kesesatannya iaitu *bid$^{c}$ah* dalam akidah.

Kajian ini cuba meninjau persoalan *bid$^{c}$ah ḍalālah* yang tiada sebarang kekhilafan. Setelah diteliti *bid$^{c}$ah* dalam akidah merupakan *bid$^{c}$ah ḍalālah* lantaran penyimpangan dari dasar akidah Islam yang sebenar. Contoh *bid$^{c}$ah* dalam akidah ialah syirik, khurafat dan ajaran sesat.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua kaedah teras iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Disamping itu kajian perpustakaan juga digunakan bagi meninjau sorotan kajian literatur yang lalu. Kaedah kualitatif melalui temubual dengan golongan agamawan yang berautoriti merupakan medium utama kajian ini.

Dalam pada itu, kaedah pendekatan kuantitatif turut digunakan bagi meninjau tahap kefahaman dan kepekaan masyarakat tentang kajian ini. Kaedah pendekatan kuantitatif ini juga penting sebagai sokongan kepada kaedah pendekatan kualitatif. Dalam pada itu, kajian ilmiah menerusi kitab, tesis dan artikel turut dijadikan hujah sokongan dalam kajian ini.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan tahap kefahaman responden agak tinggi, namun dalam masa yang sama masih ada amalan *bid<sup>c</sup>ah ḍalālah* di kalangan responden. Justeru itu, kajian ini turut menggesa semua lapisan masyarakat agar peka dan mengambil peranan dan tindakan yang sewajarnya, kerana kesan yang paling parah daripada amalan *bid<sup>c</sup>ah ḍalālah* boleh membawa kepada kemurtadan dari agama Allah.

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Sebagai kesimpulan kajian secara ilmiah seperti ini amat diperlukan bagi mengelakkan sebarang andaian yang berasaskan sangkaan. Dengan ini sebarang ketetapan perlulah didasari dengan fakta yang lebih tepat seterusnya mampu menyumbang saranan yang lebih membina dalam pembentukan masyarakat.

**Abstract of thesis presentedto the**
**Senate of Universiti Malaysia Terengganu**
**in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science**

***BID ᶜAH ḌALĀLAH* AMONG THE MALAYS IN TERENGGANU**

**FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR**

**NOVEMBER 2009**

**Chairperson : Associate Professor Mohd Shaladdin bin Muda, Ph.D.**

**Member : Associate Professor Fadzli bin Hj. Adam, Ph.D.**
**Ahmad Bazli bin Shafie, Ph.D.**

**Faculty : Management and Economy**

The debate on *bid ᶜah* has been ongoing for a long time. The debate sparks differences of opinion due to the hadith of the prophet (S.A.W) : "All *bid ᶜah* is a deviation from Islam". The hadith has invited different interpretations. Some people take it lightly but some are very concerned about the true meaning of the hadith. This research is conducted to study views of the *ulama'* concerning *bid ᶜah ḍalālah* (misguided innovation) as well as the perception of the society regarding this issue.

In trying to understand the hadith, a few *ulama'* such as Imām Shāfi'i, Al-Izzu bin Abdul Salam and Syeikh Muhammad Al-Ghazāli had tried to explain it. According to some *ulama'*, the rules of *bidᶜah* which are recommended, permissible, offensive, obligatory and unlawful, depends on the circumstances. Others divided *bidᶜah* into three; *bidᶜah* related to faith, worship and custom.

However, there are ulama' who consider all *bid^c^ah* a deviation from Islam, be it in faith, worship or custom. In other words, they deny the existence of *bid^c^ah ḥasanah*, a term which was introduced to justify the unfounded practices performed for generations by the Muslims. The matter is still being debated though it has been agreed upon that the *bid^c^ah* in faith is a deviation from Islam.

This research focuses on *bid^c^ah ḍalālah*, which has been agreed unanimously *(ijma^c^)* upon by the *ulama'* as a deviation from the true path of Islam, such as shirk, superstition and deviant teachings. Although the issue of *bid^c^ah ḍalālah* in faith has been agreed upon, *bid^c^ah* in worship cannot be neglected or discussed separately as worship is a manifestation of faith. Irregularities in worship which resulted from the practice of *bid^c^ah ḍalālah*, leads to deviant teachings which is based from polytheism and superstition.

Qualitative and quantitative methods have been used in this research apart from literary materials in order to study previous researches. The main method of this research is interviewing recognized religious scholars. Quantitative method is also used to survey the level of understanding and sensitivity of the society. The quantitative method is very important as a support to the qualitative method. Materials from literature, thesis and articles are also used in this research.

The finding of the research shows that the understanding of the society on the subject is quite high but at the same time they admit to the existence of the practice of *bid$^{c}$ah ḍalālah* among them. This study urges all social entity to be sensitive and take appropriate action as the practice of *bid$^{c}$ah ḍalālah* can lead to apostasy.

As a conclusion, a detail study is needed to avoid any conclusion on *bid$^{c}$ah dalālah* which is derived from assumption. Therefore, any ultimate judgement on *bid$^{c}$ah* must be based on solid facts and evidence which can improve and enhance the development of society.